

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY  
[KAPAR]**

**TARIKH :**

**SOALAN :**

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan jumlah wang tenaga boleh diperbaharui (Renewable Energy Fund) yang telah dikutip daripada pengguna elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad bagi pihak Sustainable Energy Development Authority (SEDA) bagi tahun 2012, 2013, 2014 dan sehingga 30 April 2015.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kutipan sebanyak 1% daripada bil elektrik pengguna kepada Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (TBB) telah dilaksanakan bermula daripada 1 Disember 2011 selaras dengan penguatkuasaan Akta TBB 2011. Selaras dengan semakan semula tariff elektrik, kadar kutipan ini ditingkatkan kepada 1.6% bermula daripada 1 Januari 2014. Bagi melindungi pengguna berpendapatan rendah, pengguna domestik yang menggunakan tenaga elektrik sebanyak 300 kWj sebulan ke bawah adalah dikecualikan daripada kutipan ini.
2. Jumlah kutipan KWTBB yang telah dibuat daripada tahun 2012-2014 dan sehingga 30 April 2015 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>2011/2012</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>30 April 2015</b>
<b>Jumlah Kutipan (RM)</b>	219,241,907	398,212,980	612,793,682*	54,286,632.76

\* Angka belum diaudit

**SOALAN ( 493 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID  
[ KUALA LANGAT ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [ KUALA LANGAT ]**  
minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rancangan untuk menambah baik  
Balai Bomba Banting.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Banting telah melalui proses menaiktaraf pada tahun 2009. Fasa seterusnya ialah menaiktaraf kuarters kakitangan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah diluluskan peruntukan bagi menaiktaraf kuarters kakitangan di BBP Banting pada tahun 2014 dengan kos projek sebanyak RM1.2 juta. Status terkini projek tersebut ialah dalam proses penyediaan dokumen tender dan iklan tender dijangka bermula pada awal Jun 2015.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2015

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID  
[ KUALA LANGAT ]  
TARIKH :  
SOALAN :**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan rancangan untuk menaikkan taraf hospital Banting dan menambah bilangan doktor pakar untuk penduduk setempat.**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Pada masa ini terdapat 11 orang pakar telah ditempatkan di Hospital Banting yang terdiri daripada 2 Pakar Perubatan Dalaman, 3 Pakar Bius, 3 Pakar Kanak-Kanak dan masing-masing seorang Pakar Ortopedik, Pakar Perbidanan dan Pakar Perubatan Kecemasan. Selain dari itu perkhidmatan kepakaran tambahan juga diberikan oleh pakar pelawat dari Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang yang memberikan perkhidmatan secara berkala.

Projek penambahbaikan kompleks dewan bedah dan ICU Hospital Banting telah pun dilaksanakan. Ini bertujuan untuk mengurangkan kepadatan pesakit di HTAR di mana kes-kes yang memerlukan pembedahan juga boleh dirujuk ke Hospital Banting.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Perancangan serta kerja-kerja menaiktaraf Hospital Banting untuk dipertingkatkan menjadi Hospital Pakar telahpun dilaksanakan sejak RMK9 lagi, dimana sebanyak RM6.7 juta telah dibelanjakan untuk membina sebuah Unit Rawatan Rapi disamping beberapa kerja bagi menaiktaraf dewan bedah sediaada. Selain itu, sebanyak RM8.1 juta telah juga dibelanjakan bagi pembinaan Kuarters Kakitangan yang baru.

Didalam Rolling Plan 4 RMK 10 pula, pihak kerajaan telah meluluskan peruntukan bagi membangunkan sebuah blok baru bagi menempatkan kemudahan Dewan Bedah serta Unit Penyediaan Bahan Steril (CSSD) bagi menampung keperluan Hospital Banting. Projek ini sedang diperingkat memuktamadkan skop dan kerja-kerja pembinaan dijangka dapat dimulakan pada awal tahun hadapan (2016).

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: TUAN ABDULLAH BIN ABDUL  
HAMID [ KUALA LANGAT ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI  
PENDIDIKAN** menyatakan rancangan untuk mendirikan Cawangan  
Universiti di Kuala Langat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah universiti  
awam mahupun cawangannya dibuat berdasarkan keperluan strategik  
negara dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan Kerajaan,  
kepentingan bidang tujahan tertentu terhadap pembangunan sosio-  
ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan  
sumber tenaga yang diperlukan dalam pasaran kerja.

Kementerian berpandangan universiti awam, politeknik dan kolej komuniti  
yang sedia ada di negeri Selangor masih mencukupi untuk menampung  
keperluan pelajar di peringkat pendidikan tinggi, iaitu:

- (a) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- (b) Universiti Putera Malaysia (UPM).

- (c) Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- (d) Politeknik Banting.
- (e) Politeknik Sultan Idris Shah.
- (f) Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.
- (g) Kolej Komuniti Sabak Bernam.
- (h) Kolej Komuniti Tanjong Karang.
- (i) Kolej Komuniti Hulu Selangor.
- (j) Kolej Komuniti Selayang.
- (k) Kolej Komuniti Klang.
- (l) Kolej Komuniti Shah Alam.
- (m) Kolej Komuniti Hulu Langat.
- (n) Kolej Komuniti Kuala Langat.